

MPHTJ guna perangkap khas atasi masalah kucing liar

? SAYA sering menjadikan Melaka sebagai destinasi persinggahan untuk melancong dan beristirahat terutama pada hujung minggu dan cuti umum. Keadaan negeri yang bersih dan indah cukup memuaskan hati untuk bersantai.

Namun, keadaan itu dicemari dengan kehadiran kucing liar, terutama di restoran dan kedai makan sekitar Ayer Keroh. Ia menimbulkan rasa kurang senang, bukan saja kepada diri saya, malah juga di kalangan pelanggan di situ.

Haiwan terbabit gemar menyelongkar tong sampah, tidak kurang pula yang naik ke atas meja ketika pelanggan menjamu selera.

Justeru, saya meminta pihak berkuasa mengambil tindakan segera mengatasi masalah ini kerana ia boleh menjejaskan nama baik Melaka yang terkenal

sebagai negeri maju dan Bandaraya Warisan Dunia.

A MAHMOOD
Petaling Jaya, Selangor.

MAJLIS Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) kerap menerima aduan orang ramai mengenai gangguan kucing liar di restoran dan kedai makan sekitar kawasan pelancongan Ayer Keroh dan kami sudah melaksanakan beberapa tindakan drastik bagi mengatasinya.

Antara tindakan itu ialah memperkenalkan satu kaedah baru bagi menangkap kucing liar dengan menggunakan alat yang dikenali sebagai *Smart Catcher Cat*.

Alat yang diperbuat daripada bahan buangan iaitu tong drum itu berfungsi memerangkap kucing dengan cara meletak umpan ke dalam tong terbabit yang mempunyai pintu masuk kecil.

Pintu kecil itu akan tertutup apabila kucing memakan umpan, memerangkap



SUARA Komuniti mengetengahkan masalah rakyat dan akhbar ini akan membantu pembaca mendapatkan maklum balas pihak berwajib. Sila hantarkan aduan anda ke Suara Komuniti Berita Harian, 31 Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur atau e-mel ke suarakomuniti@bharian.com.my.

haiwan berkenaan. Kucing liar yang berjaya ditangkap akan dihantar ke pusat penjagaan haiwan di kawasan semaian pokok milik MPHTJ



KUCING liar mengganggu tumpuan pelanggan menikmati juadah di sebuah kedai makan di Ayer Keroh, Melaka.

di Bukit Jelutong.

Saya yakin, dengan adanya *Smart Catcher Cat* itu, ia secara tidak langsung dapat mengurangkan kos serta

menjimatkan tenaga angota untuk menangkap haiwan berkenaan di samping mengurangkan aduan orang ramai.

SAPIAH HARON,
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran
Hang Tuah Jaya,
Melaka